

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**BET 302/3 - Entomologi Pertanian, Hutan dan Hasil Simpanan**

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

**[BET 302/3]**

1. Perosak-perosak berikut merupakan pengorek batang atau pengorek buah tanaman tertentu. Huraikan kerosakan masing-masing pada perumah-perumah berkenaan.

- (a) *Rhytidodera simulans*
- (b) *Conophomorpha cramerella*
- (c) *Maruca testulalis*
- (d) *Leucinodes arbonalis*

(20 markah)

2. Bincangkan biologi LIMA spesies utama dari sekurang-kurangnya DUA order serangga perosak hutan.

(20 markah)

3. Spesies-spesies di bawah adalah perosak pemakan daun yang menyerang beberapa jenis tanaman. Huraikan kerosakan yang dilakukan pada tanaman berkenaan dan cara kawalannya.

- (a) *Aulacophora* spp.
- (b) *Valanga nigricornis*
- (c) *Spodoptera* spp.

(20 markah)

...3/-

**[BET 302/3]**

4. Dalam menangani perosak-perosak tanaman di Malaysia, apakah pendekatan kaedah pengawalan yang perlu diberi keutamaan. Bincangkan dari segi jenis kerosakan, kos pembiayaan, kepraktikaluan (practicality) dan nilai ekonomi hasil tanaman.

(20 markah)

5. Berikut disenaraikan serangga-serangga penghisap cairan tumbuhan yang merupakan satu kumpulan perosak yang menyerang tanaman di Malaysia. Huraikan kerosakan yang dilakukan oleh serangga-serangga perosak ini kepada tanaman berkenaan dan kaedah-kaedah kawalan yang dilakukan.

- (a) *Dysdercus cingulatus*
- (b) *Nilaparvata lugen*
- (c) *Nezara viridula*
- (d) *Aleurocanthus spp.*

(20 markah)

6. Bincangkan bionomiks dan cara pengawalan EMPAT spesies serangga dari sekurang-kurangnya DUA order perosak utama bijirin simpanan.

(20 markah)